

FERROCYTE® TABLET 50MG

Sodium Ferrous Citrate (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *FERROCYTE*®
2. Bagaimana *FERROCYTE*® berfungsi
3. Sebelum menggunakan *FERROCYTE*®
4. Cara menggunakan *FERROCYTE*®
5. Semasa menggunakan *FERROCYTE*®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *FERROCYTE*®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *FERROCYTE*®

Ferrocite adalah digunakan untuk pesakit anemia (tahap rendah sel darah merah di dalam badan kerana kekurangan zat besi).

Bagaimana *FERROCYTE*® berfungsi

Zat besi yang diserap memasuki badan dan digunakan untuk membuat hemoglobin, iaitu sejenis protein di dalam sel darah merah.

Sodium ferrous citrate boleh mengurangkan anemia (suatu keadaan di mana terdapat kekurangan sel merah atau hemoglobin dalam darah, mengakibatkan pucat dan keletihan) melalui pemulihan tahap hemoglobin dan rizab besi.

Sebelum menggunakan

FERROCYTE®

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan *FERROCYTE*®

- jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang kandungan produk ini.
- jika anda tidak kekurangan zat besi.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *FERROCYTE*® jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *FERROCYTE*® jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan *FERROCYTE*®

Sebelum anda mengambil Ferrocite tablet, anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mempunyai:

- Penyakit-penyakit gastrousus seperti ulser perut, atau radang kronik usus besar dan usus kecil.
- *Paroxysmal nocturnal hemoglobinuria* (penyakit darah yang jarang, diperolehi, mengancam nyawa, yang dicirikan oleh pemusnahan sel-sel darah merah oleh sistem pelengkap, sebahagian daripada sistem imun semula jadi badan).
- Menerima ubat yang mengandungi besi (penyediaan yang mengandungi besi, media kontras hati untuk MRI)

Untuk pesakit warga tua, produk ini harus digunakan di bawah pengawasan perubatan yang teliti.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Anda dinasihatkan supaya mengelakkan ubat-ubatan atau makanan yang berikut sebelum, semasa dan selepas menggunakan *FERROCYTE*®:

- Jenis antibiotik tertentu (seperti *cefdinir*, *quinolones*, *tetracyclines*)
- *Antasid* (ubat untuk meneutralkan asid perut dan menghilangkan senak)
- *Allopurinol* (ubat untuk *gout*)
- Hormon tiroid (contohnya *levothyroxine*)
- Ubat-ubatan atau makanan yang mengandungi *Tannic acid*.

Cara menggunakan *FERROCYTE*®

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos dewasa adalah 100-200 mg unsur besi (2-4 tablet) setiap hari selepas makan, dalam satu dos atau dibahagikan kepada dua dos.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, atau peningkatan kadar jantung.

Semasa menggunakan **FERROCYTE®**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan FERROCYTE®.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi FERROCYTE® dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, **FERROCYTE®** boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan lain yang perlu diambil perhatian apabila mengambil produk ini termasuk perubahan warna

najis menjadi gelap dan perubahan warna gigi menjadi coklat.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana daripada yang berikut:

- pencernaan - gejala seperti loya-muntah, tiada selera makan, sakit perut, sakit perut, cirit-birit, sembelit, dan ketidakselesaan abdomen

- Hipersensitiviti - Kulit letusan dan gatal-gatal jarang boleh berlaku; memberhentikan ubat apabila bermulanya apa-apa gejala tersebut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan **FERROCYTE®**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C dan lindungi dari kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih disaluti dengan filem.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Sodium ferrous citrate

- Bahan tidak aktif
Hydroxypropyl cellulose, carmellose, calcium stearate, microcrystalline cellulose.
Coating: Hydroxypropyl cellulose, Macrogol 6000, Low substituted Hydroxypropyl cellulose, titanium oxide.

- Nombor MAL

MAL19920395XZ

Pengilang

Alfresa Pharma Corporation Gunma Plant
3038-2, Serada-cho, Ota-shi, Gunma, Japan

Pemegang Pendaftaran Produk

Eisai (Malaysia) Sdn Bhd.
Unit 701D, Level 7, Tower D, Uptown 5, No. 5, Jalan SS21/39, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13/07/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)110719/00184